

MASUM medan pembangunan sukan negara

Bangi: Kejohanan sukan seperti anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan pertandingan lain pada peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT) menjadi satu daripada cara untuk menyumbang kepada pembangunan sukan negara.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali, berkata sekiranya atlet, pengurus, jurulatih dan ahli jawatankuasa sukan pada peringkat IPT dapat

menggembeleng tenaga, semua IPT dapat menjadi penyumbang utama kepada kecemerlangan bidang sukan negara di pentas antarabangsa.

"Saya yakin usaha ini akan dapat dijayakan kerana di IPT, kita memiliki banyak keistimewaan yang sewajarnya dapat diolah secara bijaksana.

"Selain atlet, kita juga mempunyai kepaloran lain yang jarang ada dalam kebanyakan badan sukan di negara ini seperti bidang

Fakta
nombor

20 UNIVERSITI

awam menyertai
MASUM 2017

pemakanan, ortopedik, fisioterapi, fisiologi, motivasi, pengurusan serta bidang lain yang boleh memajukan sukan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian karnival sukan MASUM 2017, di Stadium UKM, baru-baru ini.

Mempertandingkan 16 acara
Majlis perasmian itu disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Pendidikan Tinggi, Da-

tuk Nik Ali Mat Yunus.

Yang turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, Tan Sri Dr Ibrahim Saad; Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris, Prof Datuk Dr Mohamad Shatar Sabran dan Pengerusi MASUM, Prof Datuk Dr Abdullah Mohamad Saïd.

Kejohanan MASUM 2017 menyaksikan UKM sebagai tuan rumah mempertandingkan 16 acara dengan menawarkan 179 pingat emas, 179 perak serta 186 gangsa.